

TARIKH	25 / 06 / 2014	SEKSYEN	NASIONAL
MUKA SURAT	8	RUANGAN	

Bukti komitmen kerajaan tangani isu

Kuala Lumpur: Penubuhan majlis kawal selia umrah dan pelaksanaan lesen khas umrah membuktikan komitmen kerajaan dalam menangani masalah penipuan pakej umrah yang semakin kritikal.

Penyenaraian 59 agensi pelancongan yang mempunyai kontrak dengan muasrah atau agensi pengendali umrah di Arab Saudi di laman web Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan pula dilahat memudahkan orang ramai membuat rujukan sebelum memilih khidmat sesebuah agensi pelancongan.

Presiden Persatuan Ejen-Ejen

Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera Malaysia (BUMITRA), Datuk Syed Mohd Razif Al Yahya, berkata sudah tiba masa pengendalian umrah diberikan fokus sejawarnya bagi melindungi kepentingan pengguna dengan lebih berkesan dan menyeluruh.

Elak timbul kerumitan

"Langkah (pelaksanaan) lesen khas adalah baik bagi membekalkan hanya mereka yang layak mengendalikan pakej umrah.

"Sebelum ini, semua pihak yang mempunyai lesen pengembalaan luar negara boleh me-

nyediakan pakej umrah sehingga ia menimbulkan pelbagai kerumitan.

"Ia juga akan lebih fokus kepada pengendali Islam kerana pakej umrah bukan sekadar pakej pelancongan, sebaliknya membabitkan ibadat umat Islam," katanya.

Sementara itu, Syed Mohd Razif dipilih menerajui BUMITRA bagi 2014-2016 dalam mesyuarat tahunan persatuan itu semalam, menggantikan Mohd Ayub Hassan yang melepas jawatannya bagi memberi laluan kepada mu-

ka baharu.

BUMITRA yang menaungi 500

agensi pelancongan dan pengembalaan Bumiputera adalah pihak yang bertanggungjawab mencadangkan penubuhan badan kawal selekta bagi jemaah umrah yang mencencah 200,000 orang setiap tahun.

Melalui bekas Timbalan Presidennya, Ayob Mat Aris, persatuan itu juga mencadangkan penetapan harga minimum pakej umrah sebagai rujukan kepada masyarakat, selain mencadangkan pelaksanaan lesen khas pengendalian umrah yang dipersetujui Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz.

“Ia juga akan lebih fokus kepada pengendali Islam kerana pakej umrah bukan sekadar pakej pelancongan, sebaliknya membabitkan ibadat umat Islam”

**Syed Mohd Razif Al Yahya,
Presiden Persatuan Ejen-Ejen Pelancongan dan Pengembalaan Bumiputera Malaysia**